

# Peguam kanan UK bakal wakili Najib dalam rayuan

BH- 2/6/2022 mlk: 17

## Laidlaw dalam senarai 500 orang paling berpengaruh di Britain

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Peguam Kanan (QC) dari United Kingdom (UK), Jonathan Laidlaw memiliki kepakaran dalam undang-undang perniagaan dan jenayah kewangan serta tersenarai dalam senarai 500 orang paling berpengaruh di Britain oleh Sunday Times/Debretts.

Peguam, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, berkata Direktori Undang-Undang UK menyifatkan Laidlaw sebagai seorang peguam luar biasa yang mempunyai kemahiran tinggi dengan secara bersahaja memenangi kes yang paling sukar melalui kepakaran 'soal balas maut' dan ucapan penutup yang tegas.

Beliau berkata, Laidlaw juga penerima anugerah 'Crime Silk of the Year' yang disifatkan Direktori Undang-Undang UK se-

bagai peguam yang memberikan layanan tahap tertinggi kepada anak guam, selain 'menguasai mahkamah' dengan penuh mengagumkan dan amat dihormati serta disegani.

"Mereka menyifatkannya sebagai 'seorang peguam bela yang cemerlang, sentiasa terbabit dalam kes berprofil tinggi dan meraih tajuk utama. Beliau juga berkemahiran menasihati individu penting mengenai isu sensitif yang membabitkan reputasi," katanya.

Muhammad Shafee berkata demikian ketika mengikrarkan affidavit bagi menyokong permohonan Laidlaw untuk diterima masuk sebagai peguam di Mahkamah Tinggi Malaya, bagi mewakili Datuk Seri Najib Razak dalam rayuan akhir kes penyelewengan dana RM42 juta milik syarikat pelaburan SRC International Sdn Bhd.

Muhammad Shafee berkata, Laidlaw terbabit dalam 109 kes yang dilaporkan di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan House of Lords (kini Mahkamah Agung), dan mempunyai kelayakan serta pengalaman dalam pel-

bagai bidang kes rasuah di UK dan dalam bidang kuasa mahkamah di luar negara.

Beliau berkata, peguam itu mahir dalam bidang perundangan jenayah kewangan dan tiada peguam bela serta peguam cara di negara ini mempunyai tahap pencapaian sama sepertinya.

Beliau berkata, peguam itu kini mewakili beberapa individu yang disiasat oleh agensi siasatan penipuan kewangan dan Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) bagi pihak Bank of England, Preta Manger (francis kedai sandwich antarabangsa) dan Kelab Bolasepak Chelsea.

Selain itu, katanya, Laidlaw juga bertindak mewakili bintang tenis, Boris Becker dalam percabaran jenayah bagi kesalahan penipuan dan insolvency di UK.

"Perayu (Najib) berhasrat menggunakan khidmat profesionalnya (Laidlaw) untuk bertindak sebagai peguam utama dalam rayuan ini.

"Mahkamah Persekutuan akan mendapat manfaat dan dapat menggunakan pengalaman pemohon dalam bidang yang pen-

ting dan sensitif serta sentiasa berubah ini. Dalam keadaan ini, mungkin pemerhati antarabangsa akan hadir di mahkamah, berdasarkan identiti perayu (Najib) dan kes berprofil tinggi ini.

"Saya benar-benar percaya pencapaian Laidlaw pada tahap luar biasa dan melebihi ukuran pencapaian yang dicapai peguam bela dan peguam cara Malaysia," katanya.

Menurut laporan media sebelum ini, pendengaran permohonan untuk menerima masuk Laidlaw sebagai peguam cara dan peguam bela dijangka didengar antara 20 dan 24 Jun ini.

Berdasarkan surat dikeluarkan Pejabat Pendaftar Mahkamah Persekutuan dan ditandatangani Timbalan Pendaftar Mahkamah Persekutuan bertarikh 29 April lalu, pendengaran rayuan akhir Najib ditetapkan selama 10 hari, iaitu dari 15 hingga 19 Ogos sebelum bersambung pada 22 hingga 26 Ogos ini.

Pada 8 Disember tahun lalu, Mahkamah Rayuan mengekalkan sabitan salah serta hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta yang dikenakan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur ke atas Najib, selepas didapati bersalah atas tujuh pertuduhan membabitkan penyelewengan dana SRC International.



Jonathan Laidlaw